

# Universiti jangan jadi 'kilang ijazah'



DR. MAHATHIR menandatangani poster besar yang dibuat sempena lawatan beliau ke Universiti Malaysia Sarawak di Kota Samarahan, semalam.

KOTA SAMARAHAN 2 Okt. - Tun Dr. Mahathir Mohamad mengingatkan Universiti tempatan supaya tidak menjadi kilang ijazah yang mengeluarkan ijazah dengan mudah tanpa menentukan kualiti dan mengambil kira keperluan negara.

Menurut bekas Perdana Menteri itu, fenomena sedemikian telah berlaku di negara-negara maju di mana universiti menjual ijazah.

"Janganlah dalam keghairahan rakyat memiliki ijazah, kita abaikan penguasaan ilmu yang memberi nilai dan makna kepada ijazah dimiliki," katanya.

Dr. Mahathir berucap demikian pada majlis penganugerahan Ijazah Kehormat Doktor Kajian Pembangunan kepada beliau oleh Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) di sini hari ini. Katanya, kualiti ilmu yang dikembangkan oleh universiti amatlah penting, walaupun sukatan ilmu mungkin sama tetapi kualiti mungkin berbeza.

"Kita dapati ada Universiti di negara-negara maju yang terkenal kerana kualiti ilmu yang dikuasai oleh pemegang ijazahnya.

"Ada pula Universiti tertentu yang pemegang ijazahnya menjadi begitu

terkenal kerana mendapat hadiah-hadiah yang dihormati seperti Hadiah Nobel dan lain-lain hadiah ilmiah," kata beliau.

Selain itu, kata Dr. Mahathir, ilmu yang dituntut juga perlu relevan dengan tugas dan tanggungjawab individu dalam masyarakat.

"Adalah satu pembaziran apabila kita dapati yang berijazah bekerja sebagai buruh kasar, langsung tidak ada kena mengena dengan ilmu yang ada padanya.

"Adalah lebih baik jika mereka yang akan bekerja dalam bidang tertentu memiliki kecekapan yang diperlukan," kata beliau.

Dalam ucapannya juga, Dr. Mahathir berkata, pelajar tidak menghargai masa belajar di Universiti sebaliknya memberi tumpuan kepada kegiatan lain seperti kononnya berusaha memperbaiki keadaan sosial dan politik dalam masyarakat.

"Tidaklah salah berusaha untuk kebaikan sosial dan politik tetapi ini perlu dibuat dengan perbelanjaan sendiri.

"Di Universiti, penuntut sama ada yang membayar yuran atau tidak, dibiayai dengan wang rakyat kerana kepercayaan rakyat bahawa penuntut akan dapat belajar, menguasai ilmu

dan menjadi warganegara berguna.

"Adalah satu pembaziran jika penuntut tidak belajar tetapi menghabiskan masa dengan kegiatan lain," katanya.

Tambah beliau, satu fenomena baru yang dapat dilihat di Universiti ialah penuntut wanita melebihi penuntut lelaki walaupun peratusan lelaki dan wanita adalah lebih kurang sama di negara ini.

Kata beliau, satu penyelidikan perlu dijalankan bagi mengetahui apakah sebabnya dan mencari jalan menanganinya.

"Kita perlu kepada semua tenaga manusia untuk pembangunan negara, kurangnya jumlah lelaki berpelajaran dan berilmu berbanding wanita, tetap akan menghalang pembangunan dan mengurangkan kualiti tenaga untuk memajukan negara," kata Dr. Mahathir.

Lagipun, kata beliau, ia akan membawa kepada masalah sosial pada masa akan datang yang akhirnya menjadi sukar untuk diatasi.

"Janganlah kita terima keadaan penuntut wanita dan lelaki yang tidak seimbang peratusannya sebagai satu perkara biasa, yang tidak perlu diberikan perhatian berat," katanya.